



FWD Term Rider

Celebrate living
fwd.com.my | 1 300 13 7988

FWD
takaful

Andainya hidup terhenti tanpa diduga, amalan kebajikan anda tetap akan berterusan jua

Perkara yang bakal berlaku selepas seseorang meninggal dunia adalah tidak pasti, tetapi ini tidak bermakna kebajikan yang anda lakukan terhenti. Perkara pertama yang akan terlintas di minda adalah urusan kewangan yang anda tinggalkan – ini adalah salah satu sebab seseorang melengkapkan diri dengan rancangan kewangan dalam jangka panjang.

Anda tentu inginkan insan yang tersayang terlepas daripada pelbagai bebanan, kerana kehilangan seseorang amatlah menyukarkan. Apa akan terjadi kepada hutang anda? Apa akan terjadi ke atas komitmen anda kepada masyarakat? Apa akan terjadi kepada komitmen sumbangan anda kepada badan kebajikan?

Di FWD Takaful, kami ingin membantu anda meninggalkan legasi yang lebih bermakna supaya orang yang tersayang menjadi lebih positif. Inilah tujuan kami memperkenalkan FWD Term Rider.

FWD Term Rider menawarkan manfaat tambahan yang boleh dimanfaatkan dengan memastikan badan-badan kebajikan yang dipilih dapat diuruskan walaupun selepas anda meninggal dunia. Anda boleh memilih sebahagian daripada jumlah dilindungi rider anda untuk didermakan kepada badan kebajikan pilihan anda. Rider ini boleh dilampirkan bersama salah satu manfaat sijil utama anda pada bila-bila masa, kecuali FWD Family First.



Manfaat sepintas lalu

Manfaat lebih besar. Pilihan lebih mudah. Dengan niat untuk melakukan kebajikan.



Kematian

Selepas anda meninggal dunia, kami akan membayar 100% jumlah dilindungi setelah ditolak derma untuk badan kebajikan yang dipilih.



Badan Kebajikan

Sebahagian daripada jumlah dilindungi akan didermakan kepada badan kebajikan yang telah anda pilih.

Bagaimana rider ini berfungsi

Ilustrasi berikut menerangkan bagaimana rider ini memberi manfaat kepada anda. Rider ini menyediakan manfaat tambahan kepada sijil utama anda.



Katakan anda sudah memilih FWD Term Rider dan memperuntukkan sebanyak 30% daripada jumlah perlindungan anda kepada badan kebajikan.



Badan kebajikan pilihan anda adalah Lung Foundation of Malaysia.



Selepas anda meninggal dunia, 30% daripada jumlah dilindungi anda akan didermakan kepada Lung Foundation of Malaysia, selagi badan kebajikan itu mematuhi syarat Jawatankuasa Syariah kami.



Jika badan kebajikan yang anda pilih tidak mematuhi syarat Jawatankuasa Syariah, 30% yang telah diperuntukkan tersebut akan didermakan kepada badan kebajikan lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah kami.



70% daripada jumlah dilindungi anda akan dibayar kepada penama yang dipilih, wisi atau benefisiari anda.

Bagaimana untuk bermula

Cara penyertaan

- Hubungi kami.
- Pilih salah satu badan kebajikan daripada senarai kami dan nyatakan jumlah baru yang ingin didermakan.
- Hantar borang yang lengkap kepada kami.
- Kami akan memproses permohonan anda.
- Jika permohonan anda diluluskan, kami akan mengesahkan perubahan kepada sijil anda.

Kelayakan untuk penyertaan adalah ringkas

Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap

Kelayakan umur adalah seperti berikut:

Orang utama	Umur yang melayakkan anda memohon untuk perlindungan
Pemilik sijil	Mesti di antara 17 tahun ke 65 tahun.
Orang yang dilindungi	Mesti di antara 1 bulan ke 65 tahun.

Derma kepada badan kebajikan

Anda boleh memilih mana-mana badan kebajikan berikut mengikut keutamaan anda untuk membuat sumbangan.

1. Lung Foundation of Malaysia
2. Malaysia Medical Relief Society (MERCY Malaysia)
3. National Kidney Foundation of Malaysia
4. National Cancer Council Malaysia (MAKNA)
5. National Council for the Blind, Malaysia
6. Yayasan Jantung Malaysia (The Heart Foundation of Malaysia)

Jumlah peratus yang boleh didermakan kepada badan-badan kebajikan adalah seperti berikut:

1. Minimum 1 badan kebajikan dengan 10% daripada jumlah dilindungi.
2. Maksimum 2 badan kebajikan dengan 100% jumlah dilindungi.



Hubungi kami jika anda ingin menukar badan kebajikan atau jumlah derma pada bila-bila masa sijil rider masih aktif.

Perlindungan dan sumbangan anda

Tempoh Perlindungan dan Sumbangan Rider ini adalah seperti berikut:

Tempoh perlindungan dan sumbangan

- a. Sama atau kurang daripada tempoh perlindungan asas.
- b. Tarikh matang boleh lebih awal daripada pelan asas, tertakluk kepada tarikh matang maksimum pelan asas.
- c. Tempoh perlindungan dan sumbangan minimum adalah 5 tahun.

Berapa banyak sumbangan yang perlu anda bayar?

Kadar sumbangan bergantung kepada kriteria seperti berikut:

- a. Umur orang yang dilindungi
- b. Jantina orang yang dilindungi
- c. Orang yang dilindungi adalah perokok atau bukan perokok
- d. Tempoh Sijil Rider

Bila kami tidak akan membayar sebarang manfaat

Di FWD Takaful, kami tidak percaya dalam menetapkan senarai panjang klausa tersembunyi yang menghalang kami daripada membayar manfaat semasa anda membuat tuntutan. Jadi kami telah meringkaskan senarai pengecualian kepada 3 kriteria:

1. Segala tuntutan yang diakibatkan oleh bunuh diri, percubaan untuk membunuh diri atau tindakan yang diakibatkan oleh diri sendiri dalam tempoh satu tahun dari permulaan rider sehingga tarikh pengembalian terakhir rider anda.
2. Segala tuntutan yang melibatkan perbuatan yang menyalahi undang-undang atau orang yang dilindungi sengaja melibatkan diri dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang atau kegagalan untuk bertindak yang menyalahi undang-undang.
3. Segala tuntutan yang disebabkan oleh tindakan berperang (sama ada diisyiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau kejadian yang serupa.

Manfaat Penyerahan

Sekiranya berlaku penyerahan, anda akan menerima semula semua sumbangan yang tidak digunakan, namun:

- Sekiranya jumlah bayaran balik kurang atau sama dengan RM10 dan kami tidak mempunyai perincian perbankan pemilik sijil, kami akan mendermakan wang tersebut kepada badan-badan kebajikan.
- Sekiranya jumlah bayaran balik lebih daripada RM10 dan kami tidak mempunyai perincian perbankan pemilik sijil, kami akan memindahkan wang tersebut kepada Pendaftar Wang Yang Tidak Dituntut.

Apa yang anda perlu tahu

Bagaimana kami patuh Syariah?

1. Kami menguruskan sumbangan anda dan operasi takaful kami berdasarkan kontrak Syariah Wakalah, serta dipantau oleh Jawatankuasa Syariah kami.



Takaful adalah konsep saling bantu-membantu berdasarkan semangat persaudaraan dan solidariti di mana anda dan peserta lain bersetuju untuk memberi bantuan kewangan sekiranya salah seorang peserta mengalami kerugian tertentu.

2. Sumbangan yang anda bayar untuk perlindungan ini adalah tertakluk kepada yuran Wakalah.



Wakalah bermaksud seseorang melantik satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk mengendalikan urusan

3. Sumbangan anda selepas ditolak yuran Wakalah, akan kami masukkan ke dalam Dana Risiko Peserta sebagai Tabarru'. Dana Risiko Peserta ini akan digunakan untuk membayar manfaat kepada pihak menuntut yang layak menerimanya berdasarkan:

- perpaduan persaudaraan dan sikap bantu-membantu dalam kalangan peserta; dan
- terma dan syarat rider ini



Tabarru' adalah derma untuk tujuan takaful.

4. Sekiranya Dana Risiko Peserta menunjukkan prestasi yang baik, kami akan menerima 50% lebihan sebagai Ju'alah dan baki 50% akan diagihkan kepada peserta - peserta yang layak.



Jika nilai Dana Risiko Peserta tidak mencukupi untuk membayar tuntutan, kami akan memberikan Qard yang merupakan pinjaman tanpa faedah kepada Dana Risiko Peserta.

Berapakah jumlah Wakalah yang perlu dibayar?

Terma Sijil	1	2 - 3	4	5 - 10	11+
Wakalah %	70%	55%	40%	25%	10%

*Bayaran ini berdasarkan sijil dengan tempoh perlindungan 20 tahun ke atas. Caj yang lebih rendah akan dikenakan bagi tempoh sijil yang lebih pendek. Anda boleh merujuk pada ilustrasi produk untuk yuran wakalah bagi tempoh sijil tertentu yang anda pilih.

Apa yang anda perlu tahu (bersambung)

Nota penting

- 1 Risalah ini tidak membentuk sebarang kontrak di antara anda dan FWD Takaful Berhad. Terma dan Syarat penuh ada dinyatakan di dalam dokumen sijil.
- 2 FWD Term Rider bukanlah sebuah produk simpanan atau pelaburan. Anda tidak akan menerima sebarang bentuk tunai daripada sijil ini melainkan manfaat kematian yang dinyatakan.
- 3 Anda berhak untuk mendapatkan pelepasan cukai individu apabila menyertai pelan ini, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- 4 Anda perlu memastikan bahawa pelan ini sesuai dan menepati keperluan dan sumbangan tersebut berpatutan dengan kemampuan anda.
- 5 Untuk maklumat lanjut tentang yuran, caj dan butiran lain, sila rujuk Risalah Pemberitahuan Produk dan illustrasi manfaat yang dikeluarkan oleh ejen kami.

Tentang kami

FWD Takaful Berhad (FWD Takaful) adalah pengendali Takaful di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan Takaful keluarga. FWD Takaful dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Ia adalah unit perniagaan Takaful Kumpulan FWD (FWD) - perniagaan insurans daripada kumpulan pelaburan, Pacific Century Group - yang merentasi Hong Kong & Macau, Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura, Vietnam, Jepun dan Malaysia; menawarkan insurans hayat dan perubatan, insurans am, faedah Takaful keluarga dan faedah pekerja merentasi beberapa pasarnya.

Sejak tahun 2013, FWD telah menumpukan usaha untuk mencipta pengalaman pelanggan yang baru, dengan produk-produk yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang didorong oleh pelanggan ini, FWD akan mencapai visinya untuk menjadi peneraju insurans Asian yang mengubah pandangan terhadap insurans.

Untuk maklumat terperinci, sila hubungi:

MEMBER



FWD Takaful Berhad, No. Pendaftaran 200601011780 (731530-M)
Level 29 Menara Shell, 211 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur Malaysia

fwd.com.my | 1 300 13 7988

Maklumat yang disediakan dalam risalah ini adalah sah pada Jun 2020.